


MINIT MESYUARAT PROTEMP KALI KE 3

Tarikh : 13 Oktober 2008
Masa : 9.30 malam
Tempat : Gazebo Senja
Kehadiran : 38 orang (Sila lihat lampiran)



1. Ucapan Pembukaan

Naib Setiausaha, Azhar Aziz mengucapkan terima kasih dan selamat datang kepada semua ahli yang hadir. Memaklumkan tentang agenda mesyuarat pada pagi ini. (sila lihat lampiran notis mesyuarat)

2. Ucapan Pengerusi

- 2.1 Sdr. Zainal, selaku Pengerusi Protemp mengucapkan ribuan terima kasih kepada mereka yang hadir.
- 2.2 Sehingga kini, sebanyak 52 buah rumah telah terlibat didalam program kawalan keselamatan yang sedang diadakan. Terdapat laporan terhadap Pengawal Keselamatan yang didapati tidak menjalankan tugas dengan betul dan pihak Pengurusan Kawalan Keselamatan telah mengambil tindakan dengan serta merta.
- 2.3 Beliau mencadangkan sistem kawalan keselamatan yang baru iaitu 'Night Patrol' oleh penduduk bermula dari jam 10.00 malam hingga 12.00 malam manakala pihak Kawalan Keselamatan akan menyambunginya sehingga jam 7.00 pagi. Sasaran jumlah rumah yang terlibat adalah sebanyak 60 buah dengan bayaran bulanan adalah sebanyak RM50 sahaja. Mesyuarat telah sebulat suara bersetuju
- 2.4 Beliau memaklumkan bahawa terdapat kes pecah rumah yang melibatkan 3 buah rumah di Alam Budiman yang masih belum berpenghuni. Namun beberapa barangan yang terdapat di dalam rumah tersebut telah dicuri. Laporan polis telah dibuat di Balai Polis Seksyen 6, Shah Alam. Susulan daripada itu, pihak Polis telah membuat beberapa rondaan di kawasan Alam Budiman.
- 2.5 Sdr Pengerusi juga telah memaklumkan bahawa terdapat kes pecah rumah di kawasan Desa Rhu dan Putra Height yang melibatkan kerugian berpuluh ribu ringgit semasa cuti Hari Raya yang lepas.
- 2.6 Akibat dari kekurangan dana semasa Program Kawalan Keselamatan Semasa Cuti Hari Raya yang lepas, Protemp terpaksa mengambil Pengawal Keselamatan yang murah dan kurang berpengalaman untuk bertugas.
- 2.7 Beliau berharap, dengan susunan jadual rondaan 'night patrol' yang baru serta pengawal keselamatan yang baru, kawalan keselamatan akan lebih baik lagi.

3. Laporan Ketua Biro Keselamatan

- 3.1 Sdr Azwan (where) memaklumkan tentang jadual NP yang baru dan berharap agar NP akan menjadi medium penghubung dan mengeratkan silaturrahim sesama Abians.
- 3.2 Beberapa gadget keselamatan sedang diusahakan seperti Panic Button yang boleh dibuat sendiri dengan kos dibawah RM100. Namun buat masa sekarang, sistem alam kereta setiap penduduk dicadangkan supaya menjadi alat penggera jika terdapat apa-apa keraguan tentang keselamatan. Pihak Pengawal Keselamatan telah dimaklumkan supaya memberikan respon terhadap setiap penggera kereta yang berbunyi.
- 3.3 Beliau juga meminta para penduduk supaya tidak membenarkan kontraktor yang terlibat tinggal didalam rumah yang sedang diubahsuai. Ini bagi mengelakkan kejadian yang tidak diingini berlaku.

- 3.4 Sdr Azwwan memperkenalkan anggota Pengawal Keselamatan yang baru kepada para penduduk dan berharap agar mereka menjalankan tugas dengan baik. Pemantauan akan dilakukan terhadap mereka dari masa kesemasa.

4. Perlantikan AJK Surau

Sdr Zainal memaklumkan bahawa surau telah hampir siap dan penyerahan kunci akan dibuat dalam masa yang terdekat. Beliau berharap agar AJK sementara surau akan dilantik segera agar proses penyerahan kunci nanti akan lebih mudah. Biro Kebajikan dan Keselamatan diminta untuk memantau dan mengambil tindakan yang sewajarnya. Sdr. Syed Zul juga telah dilantik sebagai timbalan Ketua Biro Kebajikan dan Kemasyarakatan.

5. Kewangan

Buat masa sekarang, sehingga pendaftaran ABRA diluluskan, segala kutipan dana akan menggunakan akaun persendirian sdr Alias selaku bendahari Protemp.

6. Perkara Berbangkit

- 6.1 Sdr Zainal memaklumkan bahawa beliau telah mendapat panggilan telefon dari Pengurus Kualiti Syabas yang menyatakan bahawa masalah air di Alam Budiman masih diperingkat pemaju. Penduduk diminta supaya berhubung terus dengan pihak pemaju.
- 6.2 Terdapat Pro & Con terhadap cadangan pemasangan grill dilorong belakang. Beliau mencadangkan supaya diwujudkan satu 'R & D task force' bagi membincang dan memperhalusi cadangan ini dan seterusnya memaklumkan cara yang terbaik terhadap masalah ini kepada para penduduk.
- 6.3 Makluman yang kerja-kerja infra talian telefon telah pun siap. Namun masih tidak ada bekalan elektrik daripada TNB. Masalah pihak pemaju tidak membuat bayaran deposit.
- 6.4 Masalah 'defect' – meminta pihak SHL mengemukakan jadual kerja 'defect' supaya para penduduk tahu perjalanan kerja-kerja yang dilakukan.
- 6.5 Makluman bahawa pihak POS Malaysia telahpun masuk ke Alam Budiman.
- 6.6 Meminta Ketua Biro Kebajikan dan Kemasyarakatan menyemak status terkini surau dan bilakan tarikh menyerahkan kunci akan dibuat.
- 6.7 Cadangan jamuan hari raya ABRA disurau – dapatkan satu tarikh yang sesuai.
- 6.8 Biro Keselamatan meminta supaya setiap ketua blok membuat kutipan bayaran 'security' mulai malam ini.

8. Ucapan Penangguhan

Sdr Pengerusi berharap agar semua warga AB dapat menjalankan tanggungjawab masing-masing. Majlis ditamat dan ditangguhkan pada jam 11.30 malam

Disediakan oleh ;



Azhar Aziz
Naib Setiausaha ABRA Protemp

Dipengerusikan oleh ;



Zainal Ibrahim
Pengerusi ABRA ProTemp